

# Sembilan peserta PPSI terima sijil

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 5 Januari. - Sembilan mahasiswa Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang mengikuti Program Perintis Pakar Sejarah Intensif (PPSI) menerima sijil pada majlis yang berlangsung di Galeri Sejarah, Pusat Sejarah Brunei (PSB), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil-sijil kepada para mahasiswi tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengetua PSB, Awang Hanafi bin Haji Salleh.

PPSI merupakan program kolaborasi di antara PSB dan FPPI, UNISSA dalam menjalankan kajian ilmiah dan menyelidik sumber-sumber serta catatan-

catatan sejarah berkenaan Negara Brunei Darussalam.

Program yang diadakan selama empat minggu bermula 10 Disember 2018 lalu dan disertai oleh lapan mahasiswi dalam bidang Sejarah dan Tamadun Islam dan seorang mahasiwi dalam bidang Pengurusan dan Pembangunan Islam.

Semasa program tersebut, para mahasiswi ditempatkan di Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi; Bahagian Penerbitan dan Pemasaran; serta Bahagian Pameran dan Perkhidmatan.

Antara tugas yang diberikan sepanjang program itu adalah mempelajari kaedah atau metodologi penyelidikan sejarah seperti mentranskripsi sejarah

hasil wawancara.

Di samping itu, para peserta program juga didedahkan mengenai teknik ilustrasi dan teknik reka letak gambar dan atur huruf dalam penerbitan sebuah buku.

Antara objektif program tersebut ialah untuk melahirkan generasi muda dan belia yang berilmu dan berpengetahuan luas dalam pelbagai bidang termasuk sejarah, di samping memberi pendedahan kepada alam pekerjaan.

Selain itu, ia juga untuk menambah ilmu serta kemahiran supaya dapat diaplikasikan dalam pembelajaran di universiti dan membantu mempertingkatkan keyakinan diri para peserta ke alam pekerjaan sebenar.

**PEMANGKU** Timbalan Pengetua, Pusat Sejarah Brunei, Awang Hanafi bin Haji Salleh semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang wakil peserta Program Perintis Pakar Sejarah Intensif.



## Taklimat Kenegaraan tingkatkan semangat patriotik



**TAKLIMAT** Kenegaraan disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya (kiri). Sementara gambar kanan, sesi taklimat turut dihadiri oleh Pengetua Sekolah, Awang Mohammad Danny bin Aimi.



# MINDA

## PEMBACA

**Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Berbelanja Dengan Berhemat Jamin Kesejahteraan'. Tarikh Tutup : 9 Januari 2019
2. 'Asah Bakat Anak-Anak Meminati Sukan'. Tarikh Tutup : 16 Januari 2019
3. 'Kesan-Kesan Amalan Makan Makanan Segera'. Tarikh Tutup : 23 Januari 2019

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca,**  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas,  
Bandar Seri Begawan, BB3510,  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel:  
[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

*Menangi*  
**BND75**  
*Setiap Minggu*

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

**Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan**  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**MUKIM BERAKAS 'B'**, Sabtu, 5 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Salambigar, Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali.

Taklimat turut dihadiri oleh Pengetua Sekolah, Awang Mohammad Danny bin Aimi, tenaga pengajar bersama kira-kira 225 penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan.

Antara tujuan program tersebut ialah sebagai usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara, di samping mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara.

Pengisian program termasuklah Taklimat Kenegaraan yang disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya yang antara lain menyentuh mengenai Raja Kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Program juga diselitkan dengan tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' dan Video Animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Ke arah meningkatkan kefahaman mengenai perisian program tersebut, para penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab kuiz berkenaan.